

KEGEMBIRAAN BERGANDA, LBS RAIKAN 25 TAHUN DALAM INDUSTRI PEMBANGUNAN HARTANAH DAN ULANG TAHUN KE-15 PENYENARAIAAN DALAM BURSA MALAYSIA

Petaling Jaya, 3 Oktober 2017 – Baru-baru ini LBS Bina Group Berhad (LBS) telah meraikan bersama para kakitangannya, rakan-rakan perniagaan dan tetamu-tetamu khas pada malam penuh glamor dan gilang-gemilang sempena sambutan ulang tahun ke-25 LBS sebagai pemain utama dalam industri pembangunan hartanah Malaysia dan ulang tahun ke-15 penyenaiaan LBS dalam papan utama Bursa Malaysia.



LBS yakin dapat mencapai sasaran jualan pada tahun ini. (Lima dari kiri) Pengarah Urusan Kumpulan, Tan Sri Lim Hock bersama (enam dari kiri) Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; (tujuh dari kiri) Duta Besar Republik China ke Malaysia, Dr Huang Huikang; serta pihak pengurusan LBS Bina Group Berhad pada Makan Malam Tahunan bertemakan pelayaran persiaran diraja, *'Let's Sail in Style on board the LBS Royal Cruise'*.

Bertemakan *'Let's Sail in Style on board the LBS Royal Cruise'* majlis keraian ini telah diinspirasikan daripada perjalanan Kumpulan LBS sendiri yang seperti lautan tenang dan kadang kala bergelora dalam membina perkongsian dan mencapai pelbagai kejayaan. Tetamu-tetamu kehormat yang menghadiri majlis malam tersebut termasuk Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah serta Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang. LBS merakamkan setinggi penghargaan di atas sokongan mereka yang berterusan selama bertahun-tahun terutamanya Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah semasa pelancaran projek pembangunan Cameron Golden Hills di Cameron Highlands dan pengesyoran Dr Huang dalam pemilihan Tan

Sri Lim sebagai satu-satunya wakil Malaysia untuk menghadiri sesi parlimen dan perundingan tahunan China 2017, yang dikenali sebagai *Lianghui*.

"Perjalanan menerajui LBS selama 25 tahun merupakan satu perjalanan yang penuh mencabar. Saya percaya kejayaan dan pencapaian yang kami nikmati hari ini adalah hasil daripada asas kukuh yang dibina oleh Pengerusi kami, Dato' Seri Lim Bock Seng, dengan sokongan teguh daripada rakan-rakan perniagaan, kakitangan, rakan-rakan media dan para pelanggan kami. Seterusnya, saya yakin kami mampu mencapai sasaran jualan kami sebanyak RM1.5 bilion dalam 2017 dan saya sangat teruja dengan pelan-pelan perkembangan kami yang berterusan. Saya ingin mengalu-alukan ML Global Berhad ke dalam Kumpulan ini sebagai anak syarikat kami. Perjalanan kita pada masa hadapan adalah mengujakan," kata Pengarah Urusan Kumpulan LBS, Tan Sri Lim Hock San.



2017 menandakan perjalanan LBS telah mencapai 25 tahun sebagai pemaju dalam industri hartanah dan 15 tahun dalam senarai papan utama Bursa Malaysia dengan sokongan daripada rakan kongsi. (Lima dari kiri) Pengarah Urusan Kumpulan, Tan Sri Lim Hock San, merayakan pencapaian tersebut bersama (enam dari kiri) Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; (tujuh dari kiri) Duta Besar Republik China ke Malaysia, Dr Huang Huikang; serta pihak pengurusan LBS Bina Group Berhad pada Makan Malam Tahunan.

Para tetamu telah dijamu dengan hidangan tradisional Cina sambil dihiburkan sepanjang malam dengan persembahan live band dan persembahan khas oleh penyanyi terkenal tanahair, Syafinaz Selamat. Acara cabutan bertuah amat dinanti-nantikan oleh para tetamu yang hadir kerana mereka berpeluang membawa pulang gajet-gajet berjenama Apple, Samsung, Huawei dan Fitbit yang bernilai hampir RM250,000.

Tan Sri Lim Hock San turut menyampaikan keterujaannya untuk masa hadapan dengan berkata "Seterusnya, saya ingin menetapkan sasaran terbaharu kami - Empat '2'. Pada masa

hadapan, saya yakin kami akan dapat mencapai sasaran baharu kami iaitu sebanyak RM2 bilion dalam jumlah jualan, RM2 bilion dalam modal pasaran, RM2 bilion dalam perolehan dan RM200 juta keuntungan selepas cukai.”

Lebih 1,300 orang tetamu telah menghadiri majlis makan malam gala tersebut yang telah diadakan di Grand Lagoon Ballroom di Sunway Resort Hotel and Spa.

Tentang LBS Bina Group Berhad

LBS mempunyai susur galur tersendiri yang bermula semenjak tahun 1980an apabila Dato' Seri Lim Bock Seng - seorang pemuda agresif yang penuh dengan wawasan - menubuhkan syarikat pembinaan yang asal di Petaling Jaya. Selepas satu dekad mengalami perkembangan pesat, LBS mula meletakkan visinya ke tahap yang lebih tinggi dan memasuki sektor pembangunan hartanah pada 1992 bila LBS memulakan projeknya yang pertama iaitu Taman Perindustrian Jelapang Maju Light di Ipoh, Perak. Selepas mengambil alih teraju syarikat daripada bapanya, Tan Sri Lim Hock San telah mengembangkan dan memajukan LBS sehingga menjadi salah satu pemain utama dalam pembangunan hartanah di Malaysia. LBS Bina Group Berhad (5789) telah tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 2002 dengan mengembangkan perniagaannya ke Zhuhai, China.

Di bawah kepimpinan Pengarah Urusannya iaitu Tan Sri Lim Hock San, Kumpulan tersebut menyusun semula strategi model perniagaannya dan melancarkan satu imej, identiti dan arah tuju serba baharu sebagai sebahagian daripada objektif jangka panjangnya untuk menjadi pemaju yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, membina dan mewujudkan ruang-ruang gaya hidup yang meningkatkan lagi kehidupan bermasyarakat. Bagi menandakan arah tuju baharu ini, Kumpulan telah mengembangkan portfolio rumah-rumah kediaman berkualiti kepada pasaran mewah dan telah memulakan satu perjalanan progresif ke arah perubahan yang melibatkan bahagian produk, pengalaman pelanggan, perkhidmatan selepas jualan, kelestarian, teknologi hijau dan rekabentuk.

Bagi mengiktiraf semangat keusahawanan beliau, Tan Sri Lim telah dianugerahi Anugerah Usahawan Asia Pasifik Terbaik 2012 oleh Enterprise Asia. Pada bulan Julai 2012, sebagai mengiktiraf penglibatan aktif beliau dalam pembangunan Bandar Zhuhai di China, Tan Sri Lim Hock San telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Persidangan Perundingan Politik Rakyat Perbandaran Zhuhai (Zhuhai CPPCC).

Di bawah kepimpinan Tan Sri Lim, Kumpulan telah mendapat anugerah 'Syarikat Terbaik bagi Kepimpinan Pembangunan Hartanah' di Anugerah Semakan Pelaburan Alternatif Antarabangsa 2014 (IAIR).

Satu lagi contoh kejayaan Tan Sri Lim ialah penganugerahan Dewan Kemasyhuran Brand Laureate - Anugerah Kepimpinan Ikon Jenama Brand Laureate bagi Pencapaian Sepanjang Hayat 2015. Anugerah ini telah diberikan kepada Tan Sri Lim bagi menghargai ketabahan dan kecekalan beliau selama bertahun-tahun berdepan dengan pelbagai ujian, corak kepimpinan beliau yang tegas, pengetahuan luas beliau dalam industri dan nilai-nilai integriti dan kebertanggungjawaban beliau menerusi LBS.

Sebagai menghargai sumbangan beliau kepada hubungan utuh antara Malaysia dan China, Tan Sri Lim telah dianugerahi Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat 2015 semasa Persidangan Ekonomi Cina Dunia 2015 (WCES). Persidangan Ekonomi Dunia menghargai usahawan-usahawan atas dedikasi, khidmat tanpa mementingkan diri dan kepimpinan inovatif mereka.

LBS telah mencatat satu kejayaan baru pada 2016 apabila syarikat dianugerahi Anugerah Pembangunan Pemasaran Malaysia Terbaik 5 Bintang untuk projek pembangunan berkonsep gaya hidup BSP21 dan Anugerah Rekaan Dalaman Rumah Contoh Malaysia 5 Bintang untuk

projek kediaman berkembar Corallia di majlis anugerah terkemuka iaitu Anugerah Hartanah Asia Pasifik (APPA) 2016.

LBS juga berjaya merangkul Anugerah Jenama Paling Bernilai BrandLaureate bagi Industri Hartanah 2016 sebagai mengiktiraf reputasi syarikat sebagai pemaju hartanah yang dipercayai di Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate 2015 – 2016.

~Tamat~